

PERISTIWA NUZUL AL-QURAN SEBAGAI MUKJIZAT AGUNG



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



GADONG, Isnin, 3 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus, Iftar Jama'i (Berbuka Puasa) dan Penyampaian Derma Anak Yatim serta Penerima Bantuan Warga UNISSA, bertempat di Surau Al-Syafi'i, UNISSA, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran.

Objektif majlis tersebut diadakan

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus, Iftar Jama'i (Berbuka Puasa) dan Penyampaian Derma Anak Yatim serta Penerima Bantuan Warga UNISSA (atas kiri). Manakala gambar atas dan kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

adalah bagi memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran sebagai satu mukjizat agung yang diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk dijadikan sebagai panduan hidup.

Majlis tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara para pelajar, staf akademik serta pegawai dan kakitangan UNISSA.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 31

orang anak yatim yang terdiri daripada keluarga UNISSA dan 13 orang penerima bantuan warga UNISSA yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah dan Iftar Jama'i (berbuka puasa). Juga hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa / mahasiswi Kolej Kediaman UNISSA.

MINDA PEMBACA

Bersama menjaga kebersihan alam sekitar

NEGARA Brunei Darussalam masih lagi dicatatkan mempunyai alam semula jadi yang utuh dan terjamin. Pelbagai hidupan liar berkembang biak, baik di daratan maupun di persekitaran air. Ia juga merupakan salah satu aset atau simpanan sumber-sumber alam. Bagi mempertahankan semua ini, kita hendaklah bersama-sama menjaga kebersihan alam sekitar.

Kepentingan kebersihan dan memelihara alam sekitar ini amat penting bagi membekalkan oksigen, menstabilkan suhu bumi, habitat haiwan, membekalkan sumber makanan dan bahan mentah serta

membantu merubah cuaca iklim seperti hujan dan panas.

Alam sekitar yang terjaga mampu memberi kesesealan kehidupan dan menjamin kesihatan kepada manusia daripada sebarang penyakit yang tidak diingini. Selain itu, ia juga mampu menjana ekonomi setempat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan menarik pelancong sama ada domestik atau antarabangsa ke tempat persekitaran hijau, seperti kawasan hutan, keindahan pantai dan keaslian flora serta fauna yang unik lagi menarik.

Antara langkah-langkah memelihara alam sekitar ialah dengan bersama-

sama bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan membuat pembakaran sampah di kawasan terbuka.

Masyarakat juga perlu memberikan sokongan padu dalam usaha kerajaan membuat pelbagai kempen-kempen seperti kempen kitar semula, kempen kebersihan, kempen Bandarku Ceria dan bermacam-macam lagi. Masyarakat juga perlu didedahkan dengan pendidikan dan kesedaran mengenai memelihara alam sekitar.

Jika pencemaran alam sekitar ini tidak dikawal dengan baik, maka ia akan mendatangkan kesan yang buruk

terhadap hidupan di dunia. Kesan yang paling ketara pada masa kini adalah perubahan iklim daripada pemanasan global. Faktor kenaikan suhu bumi dan penipisan lapisan ozon ini berpuncanya daripada pencemaran alam sekitar yang teruk.

Kesimpulannya, kita sekarang menghadapi cabaran pencemaran alam sekitar mahupun dalam atau luar negara. Oleh sebab itu, kita hendaklah mencegah daripada terjadinya pencemaran dan kemusnahan alam sekitar demi kebaikan bersama.

Nama : Muhammad Hifni bin Saini
No. K/P : 01-049045

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Rakan Sebaya Berperanan Dalam Membentuk Jati Diri'. Tarikh Tutup : 5 Mei 2021
2. 'Manfaat Menabung Untuk Masa Depan'. Tarikh Tutup : 12 Mei 2021
3. 'Bersama Menjaga Keselamatan Di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 19 Mei 2021

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditempatkan pada **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang